

UMS-KAL tewas di tangan UBD

UB 20.12.2011 A15

LABUAN: Pasukan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) tewas 1-5 di tangan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam perlawanan bola sepak persahabatan di Padang Layang-Layangan pada malam Sabtu lalu.

Menurut pengurus pasukan UBD, Mohd Ali Sabri Haji Abang, perlawanan itu bertujuan untuk mengeratkan persahabatan antara kedua-dua universiti itu khasnya.

Beliau yang juga Pegawai Kegiatan Luar UBD berkata pihaknya akan mengadakan lebih banyak perlawanan sukan dalam acara futsal dan badminton antara kakitangan dan

pelajar UBD dan UMS-KAL.

Sementara itu, pengurus pasukan UMS-KAL, Suffian Osman berkata perlawanan itu dijadikan ujian untuk memilih pemain bagi mewakili UMS-KAL ke Kejohanan Sukan Staf UMS pada Januari tahun depan.

Katanya, walaupun tewas, semua pemain telah menunjukkan mutu permainan yang menarik sekaligus bakal membawa sinar baru kepada pasukan UMS-KAL.

“UMS-KAL akan mengadakan lebih banyak perlawanan persahabatan dengan pasukan tempatan bagi membentuk sebuah pasukan yang mantap bagi menghadapi Sukan Staf tahun depan,” katanya.



KENANGAN...Pasukan UMS-KAL (duduk) dan UBD bergambar kenangan pada perlawanan persahabatan bola sepak di Padang Layang-Layangan, Sabtu lalu.